

Headline	UiTM mendominasi pertandingan paintball		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	L-V16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	Muhammad Reza Muhsain	AdValue	RM 15,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,295



Oleh Muhammad Reza Muhsain
 m.reza@bh.com.my
 ▶ Petaling Jaya

UiTM mendominasi pertandingan paintball

Lima pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam mendominasi Pertandingan Paintball Taha@U anjuran Tabung Haji (TH) menerusi Kelab TaHa@U yang diadakan di Kompleks Sukan Astaka, di sini, baru-baru ini.

Johan disandang pasukan Awak Kat Mana dari UiTM Shah Alam yang diwakili Muhammad Nasurul Fikri Abdul Aziz, Alias Kamaruding, Muhammad Fahmi Aliyask, Ahmad Rahimi Izzudin Mohd Asri dan Mohamad Afif Mansor.

Mereka membawa pulang wang tunai RM1,500, trofi, pingat serta hadiah.

Ahli kumpulan, Mohamad Afif percaya kejayaan pasukannya dalam sukan terbabit hasil komitmen dan kesungguhan mereka menjalani latihan sejak setahun lalu.

"Usaha kami berbalas dengan kejayaan meraih gelaran juara namun saya akui ia tidak mudah kerana berdepan cabaran sengit daripada pihak lawan.

"Prinsip kami mudah, berpegang kepada tunjuk ajar jurulatih, Muhammad Haidir Noruddin iaitu mengutamakan keselamatan rakan sepasukan dan saling bekerjasama untuk mencapai gelaran johan," katanya.



Pasukan Awak Kat Mana, UiTM Shah Alam bersama-sama hadiah yang dimenangi.

Aksi sengit diantara pasukan Awak Kat Mana dengan pasukan G Force Kejohanan Paintball anjuran TH.

Potensi besar
 Muhammad Haidir pula menyifatkan potensi pasukan UiTM Shah Alam berpontensi untuk meneroka kejayaan lebih besar dalam sukan itu pada masa depan termasuk menerusi liga paintball Malaysia.

Sebanyak 45 pasukan dari UiTM, Universiti Teknologi Petronas, Darul Quran, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) serta Universiti Sains Islam Malaysia menyertai pertandingan kali ini.

Tempat kedua dan ketiga, masing-masing disandang pasukan G FORCE dari PSAS dan pasukan Ikgang Makang Kucing, UiTM Shah Alam.

Masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan RM700 berserta hadiah.

Pasukan Padang Jawa Warrior, UiTM Shah Alam pula memenangi tempat keempat, diikuti pasukan Cengerik Manja, PSAS (kelima), pasukan Merang, UiTM Shah Alam (keenam).

Tempat ketujuh disandang pasukan Sekawan Apam, UiTM Shah Alam dan pasukan Antagonis, PSAS (kelapan).

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengerus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som manakala penyampaian hadiah pula oleh Timbalan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TH merangkap Ketua Pegawai Operasi TH, Adi Azuan Abd Ghani.